



IMARAH

ماره

MASJID IBN ABBAS, TAMAN IBU KOTA, KUALA LUMPUR



BIL : 2

BULETIN

2021

سَلَامٌ مِنْ هَارِيٍّ إِعْبُدُ الْفَقْرَى



Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Aidilfitri.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillah hil Hamd.

Segala pujian bagi Allah SWT, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW serta Kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulilah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat menyempurnakan ibadah puasa di sepanjang bulan Ramadan yang lalu. Saya mewakili barisan AJK Masjid Ibn Abbas mendoakan agar kita semua beroleh ganjaran pahala, rahmat dan ketakawaan yang tinggi dariNya berbanding tahun-tahun sebelum ini tambah-tambah lagi apabila kita semua diuji dengan penularan virus COVID-19 ini. Berbanding tahun lepas, kita harus bersyukur kerana kita semua telah diberi peluang kali ini untuk menuanakan solat Tarawih secara berjamaah dan dapat melakukan aktiviti keagamaan dengan tenang mengikut SOP yang telah ditetapkan. Pelbagai inisiatif dan aktiviti pengimaranan masjid yang dirancangkan telah berjalan dengan lancar walaupun kita masih di dalam kekangan pergerakkan. Sambutan yang diterima dari para jamaah dari semua lapisan masyarakat amat memberangsangkan.

Tidak dilupakan juga kepada golongan yang tidak berasib baik, pihak kami juga sedaya upaya berusaha yang terbaik menyalurkan bantuan agar golongan ini tidak ketinggalan atau tersisih. Dengan pelancaran tabung asnaf dan wujudnya program "Jejaki Asnaf" ini diharapkan gandingan dan kerjasama kesemua pihak dapat merealisasikan misi kami ke arah sifar asnaf disamping dapat mengukuhkan ukhuwah sesama kita. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada barisan frontliners MIA yang bertungkus-lumus memastikan SOP COVID-19 dipatuhi.

Ucapan jutaan terima kasih saya juga kepada para jamaah Masjid Ibn Abbas yang telah memberikan kerjasama serta menunjukkan keprihatinan dalam pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Selain **#kitajagakita**, perlu untuk kita terapkan **#kitajagamasjid** demi memastikan masjid kita ini terus bebas daripada ancaman COVID-19. Tanggung jawab ini haruslah dipikul bersama.

Akhirkata dari saya mewakili AJK Pentadbiran Masjid Ibn Abbas,
Telah berlabuh tirai Ramadhan, Lambaiyan Syawal pula dinanti,
Luhur hati ikhlas kemaafan, Semoga segala kekhilafan segera dimaafii.
'Selamat Hari Raya Aidilfitri'

تقبل الله منا ومنكم

وجعلنا من العائدین والفازیین

HJ NIZAM SHAH BIN MOHD NOOR,
PENGERUSI MIATIK

SIDANG EDITOR

PENAUNG :

HJ. NIZAM SHAH BIN MOHD NOOR
Pengerusi Masjid Ibn Abbas

KETUA EDITOR

EN. AHMAD ZAMRI BIN HASAN
Ketua Biro Penerangan Dan Penerbitan

EDITOR

DATO' HJ. HASSAN BIN MOHD AMIN
DATO' HJ. ARIFIN BIN CHE MAT

HJ. KAMARUDIN BIN ISMAIL

HJ. MUHD SYAHAMIRUL EDININ BIN ABD HAMID
USTAZ MARWAN HADID BIN NOR KHAIR

EN. AHMAD KHAIRI BIN MAHIDIN

HJ. ABDUL LATIF BIN ABD RAHIM

HJH. TEH ROKIAH BINTI MOHAMAD SHARIF

PN. SAMSIAH BINTI HUSAIN

PN. ARMİ BİNTİ MOHAMED RAMLİ

USTAZ MUHAMAD SHALAHUDDIN BIN AJIB



MASJID IBN ABBAS

IMBAS QR KOD



MASJID IBN ABBAS



MASJID IBN ABBAS



masjidibnabbastik.com.my



CARTA ORGANISASI

MASJID IBN ABBAS, TAMAN IBU KOTA, KUALA LUMPUR

SESI 2020 - 2023



TUAN HAJI MOHD AJIB ISMAIL
PENGARAH

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN JAWI

TN. MOHD ZAKUWA BIN RODZALI

KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID, JAWI

USTAZ MUHAMAD JAILANI BIN AHMAD
PEGAWAI TADBIR AGAMA JAWI ZON 2,
BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID, JAWI

PENGURUSI
HJ NIZAM SHAH
BIN MOHD NOOR
012-224 4995

TIMBALAN PENGURUSI
DATO' HJ HASSEN
BIN MOHD AMIN
019-356 6087

PEMANGKU KETUA IMAM
USTAZ MOHD SHUKRI
BIN HJ SHAFIE

Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S29

SETIAUSAHA
USTAZ MOHD SHUKRI
BIN HJ SHAFIE
019-907 6955

BENDAHARI
EN. AHMAD KHAIRI
BIN MAHIDIN
013-394 8984

KETUA BILAL
USTAZ MOHD FIRDAUS
BIN ABDUL RAHMAN SIDE
Pembantu Hal Ehwal Islam S19

BIRO PEMBANGUNAN & EKONOMI
HJ NIZAM SHAH
BIN MOHD NOOR
012-224 4995

BIRO KEBAJIKAN
DATO' HJ HASSEN
BIN MOHD AMIN
019-356 6087

BILAL RAWATIB 1
HJ MOHD YUNOS
BIN HASHIM

BIRO KHAIRAT KEMATIAN
DATO' HJ ARIFIN
BIN CHE MAT
019-240 1914

BIRO PENERANGAN & PENERBITAN
EN AHMAD ZAMRI
BIN HJ HASAN
019-224 5568

BILAL RAWATIB 2
HJ NAVEER
MOHIDEEN

BIRO KECERIAAN DAN KESELAMATAN
HJ KAMARUDIN
BIN ISMAIL
012-304 7022

BIRO PENDIDIKAN & DAKWAH
USTAZ MARWAN HADID
BIN NOR KHAIR
019-664 7667

BILAL RAKYAT
USTAZ MOHD ABU BAKAR
BIN ABDULLAH

BIRO TEKNOLOGI MAKLUMAT
HJ ABDUL LATIF
BIN ABD. RAHIM
019-486 5772

BIRO BELIA
USTAZ MUHAMAD SHALAHUDIN
BIN MUHAMAD AJIB
017-635 3769

IMAM RAWATIB 3
USTAZ MUHAMAD SHALAHUDIN
BIN MUHAMAD AJIB

BIRO TUGAS-TUGAS KHAS
HJ MUHD SYAHAMIRU EDININ
BIN ABD HAMID
012-313 3094

BIRO MUSLIMAT
HJH TEH ROKIAH
BT MOHAMED SHARIF
019-350 0888

IMAM RAKYAT
USTAZ MUHAMMAD ALI IMRAN
BIN ABDUL AZIZ

NOJA
EN. AHMAD KHAIRI
BIN MAHIDIN

BIRO BELIAWANIS
PUAN ARMII
BT. MOHD RAMLI
013-358 8813

Ketua Biro

Ustaz Marwan Hadid Bin Nor Khair

KULIAH SUBUH PERDANA

**YBHG. PROF. MADYA
DR. MOHD FARID RAVI ABDULLAH**

28 Mac - Masjid telah mengadakan Kuliah Subuh Perdana yang telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah.

Kuliah Subuh ini adalah merupakan salah satu dari Pelan Pengimaran Masjid (Teras Ibadah) yang dilaksanakan oleh JAWI.

Kuliah ini telah mendapat sambutan yang baik di kalangan ahli kariah dengan kehadiran melebihi 100 jemaah dengan tajuk kuliah "Di Ambang Ramadhan"



PROGRAM IMARAH RAMADHAN

LIVE MASJID IBN ABBAS

MASJID IBN ABBAS
Taman Ibu Kota, Kuala Lumpur



Imarah Ramadhan

1 Mei 2021 (Sabtu)



Kuliah Subuh
(Selepas Solat Subuh)
Us. Sabran Jamil
"Kemenangan Dibulan
Ramadhan"



Kuliah Dhuha
(9.00 Pagi-10.00 Pagi)
Us. Hanafiah Malik
"Mencapai Taqwa"



Kuliah Zohor
(1.45 Tgh-2.45 Tgh)
Us. PU Azman
"Graduan University
Ramadhan"



Kuliah Subuh & Qiyamullail
(4.30 Pagi)
Us. Rohaily Abd Rahman
"Lailatul Qadar
Hadiah Terindah"



Kuliah Dhuha Muslimat
(10.30 Pagi - 11.30 Pagi)
Ustazah Muzayyanah
"Persiapan Ke Alam
Barzakh"

Semua Muslimin Dan Muslimat Dijemput

Anjuran:
Biro Muslimat & Biro Dakwah Dan Pendidikan



Ustaz Sabran Jamil
(Kuliah Subuh - 1 Mei)



Ustaz Hanafiah Malik
(Kuliah Dhuha - 1 Mei)



PU Azman @Cik Man
(Kuliah Zohor - 1 Mei)



Ustaz Rohaily Abdul Rahman
(Qiyamullail serta Kuliah Subuh - 2 Mei)



Ustazah Muzayyanah
(Kuliah Dhuha Muslimat - 2 Mei)

1 MEI 2021 - Masjid di bawah Biro Muslimat & Biro Dakwah dan Pendidikan telah mengadakan Program Imarah Ramadhan yang mana ia telah berjalan selama 2 hari iaitu 1 & 2 Mei 2021 , program ini telah berjalan dengan beberapa siri kuliah bermula dengan Kuliah Subuh yang telah disampaikan oleh Ustaz Sabran Jamil , dengan tajuk "Kemenangan di bulan Ramadhan", dan diikuti Kuliah Dhuha yang telah disampaikan oleh Ustaz Hanafiah Malik, dengan tajuk "Mencapai Taqwa" , diikuti dengan Kuliah Zohor oleh PU Azman @ Cik

Man dengan tajuk "Graduan Universiti Ramadhan". Pada hari kedua, program dimulakan dengan Qiyamullail oleh Ustaz Rohaily Abdul Rahman dan dikuti oleh Kuliah Subuh oleh beliau, dan kuliah terakhir ialah Kuliah Dhuha Muslimat yang telah disampaikan oleh Ustazah Muzayyanah @ Ustazah Zai, dengan tajuk "Persiapan ke Alam Barzakh". Alhamdulillah program ini telah mendapat sambutan yang baik di kalangan ahli kariah dengan kehadiran melebihi 100 orang jemaah.



SENARAI AHLI JAWATANKUASA**PENGERUSI**

DATO' HJ ARIFIN BIN CHE MAT
019 240 1914

SETIAUSAHA

OTHMAN BIN NAWANG
016 606 2867

BENDAHARI

AHMAD KHAIRI BIN MAHIDIN
013 394 8984

TEKNOLOGI MAKLUMAT

ABDUL LATIF BIN ABDUL RAHIM
019 486 5772

KETUA SKUAD JENAZAH

HJ. MOHAMMAD PAIZ BIN SHAARI
019 358 9124

AJK (WAKIL TAMAN IBU KOTA)

SUZAIRI BIN DATO' MOHD SUKON
019 288 8608

AJK (WAKIL TAMAN DANAU KOTA)

SYED JALALUDDIN BIN SYED WAZIR
010 783 5976

AJK (WAKIL TAMAN SETAPAK INDAH)

HJ GHAZI BIN HJ. OMAR
011 2337 0488

AJK (WAKIL PV12)

SAIFUL ASFAR BIN A.RAHMAN
019 615 2163

AJK (WAKIL SETAPAK INDAH FASA 7)

ISMAIL BIN MOHD ARSHAD
016 278 5474

AJK (WAKIL MUSLIMAT / TERATAI MEWAH/ MEDAN IDAMAN)

AMINAH BINTI HJ ABD SHUKOR
012 660 7270

INTAN SURIA BINTI MOHD NOOR
012 204 7170

MAJLIS PERJUMPAAN AHLI BADAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID IBN ABBAS (BKK)

Majlis perjumpaan dengan ahli BKK yg diadakan setahun sekali telah di adakan pada 3 April 2021 (Sabtu) jam 10.00 pagi bertempat di Masjid Ibn Abbas . Ianya di rasmikan oleh Tuan Haji Nizam Shah bin Mohd Noor, Pengerusi Masjid Ibn Abbas. Seramai 85 Ahli BKK telah menghadiri perjumpaan tersebut. Tujuan perjumpaan ini di adakan adalah untuk memberi penerangan dan penjelasan berkaitan Garis Panduan BKK dan juga isu semasa berhubung Pengurusan BKK yang di sampaikan oleh Pengerusi BKK MIA Dato Arifin Che Mat. Penekanan di berikan kepada perkara- perkara yang selalu dibangkitkan oleh ahli-ahli dan beberapa perkara yang perlu di ketahui oleh semua Ahli bagi memudahkan urusan khairat kematian, pengurusan jenazah dan pemberian sumbangan serta kos terlibat apabila berlaku kematian di kalangan Ahli atau tanggungan mereka. Di samping itu , semua Ahli yang hadir juga berpeluang untuk mengemukakan soalan atau memberi cadangan bagi tujuan menambah baik pengurusan BKK.

Setakat Mac, 2021, jumlah keahlian BKK ialah seramai 434 Ahli. Dalam majlis berkenaan juga satu tayangan Video pendek ditayangkan buat pertama kali dengan bertujuan untuk berkongsi ilmu berkaitan pengurusan awal ke atas jenazah jika berlaku kematian di dalam rumah juga telah dipertontonkan kepada Ahli yang hadir. Pembikinan Video berkenaan dan pelakon serta penyampainya adalah dikalangan Ahli Jawatankuasa BKK sendiri.

Pada majlis tersebut juga, Tuan Haji Nizam telah mengumumkan bahawa setiap Ahli BKK, Masjid Ibn Abbas akan di bekalkan dengan Kad Keahlian bagi memudahkan pengenalan diri serta sebarang urusan berkaitan BKK.

Bagi yang berminat menjadi ahli khairat kematian masjid ibn abbas, sila dapatkan borang di Pejabat Masjid @ download dengan mengimbas QR kod dibawah.

Sila serahkan borang kepada **AJK WAKIL TAMAN** masing-masing untuk proses seterusnya.

YURAN PENYERTAAN AHLI KHAIRAT KEMATIAN MASJID IBN ABBAS :

RM 50.00 (SETAHUN)

RM 500.00 (SEUMUR HIDUP)

IMBAS QR UNTUK DAPATKAN BORANG KEAHLIAN KHAIRAT KEMATIAN (MASJID IBN ABBAS)



SEKITAR MAJLIS PERJUMPAAN AHLI BADAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID IBN ABBAS (BKK)



**BARISAN JAWATANKUASA BADAN KHAIRAT KEMATIAN
MASJID IBN ABBAS (BKK)
2020 - 2023**



SCAN QR INI
UNTUK TONTON VIDEO

Sebahagian dari penggambaran video cara-cara pengurusan awal menguruskan jenazah jika berlaku kematian dirumah.

PERASMIAN TABUNG DANA WAKAF 'IMARAH'

Tabung Dana Wakaf IMARAH telah dilancarkan secara rasminya pada 18 Februari 2021 setelah tertangguh akibat penguatkuasaan perintah darurat oleh Kerajaan.

Tabung berkenaan diwujudkan sebagai sumber pembiayaan kerja perluasan ruang solat masjid, pembinaan 'Tube Well' untuk bekalan sokongan air dan menambahbaik infrastruktur masjid yang telah dirancang sejak akhir tahun lepas.

Pengerusi Masjid Ibn Abbas merangkap AJK Biro Pembangunan dan Ekonomi, Hj Nizam Shah berkata, Dana Wakaf IMARAH telah mencapai sasaran keperluan sebanyak RM150,000 dalam tempoh dua bulan dari tarikh pelancarannya.

Sumbangan yang diterima daripada para Jemaah persendirian kariah Masjid Ibn Abbas, bukan hanya dalam bentuk wang ringgit sahaja tetapi dalam bentuk kepakaran dan khidmat nasihat profesional bagi memastikan spesifikasi dan kualiti kerja telah mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.

Majlis pelancaran berkenaan telah dirasmikan oleh tetamu jemputan, PTA Zon 2, Ustaz Muhammad Jalani Bin Ahmad.

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro
En. Nizam Shah Bin Mohd Noor

Ahli Jawatankuasa Kerja
Dato' Hassan Bin Mohd Amin
Hj. Muhsin Syahmirul Edinin Bin Abd Hamid
Ustaz Marwan Hadid Bin Nor Khair
Hj. Abdul Latif Bin Abdul Rahim
Hj. Naveer Moheedin



Perasmian Dana Wakaf Imarah yang disempurnakan oleh PTA Zon 2, Ustaz Muhammad Jalani Bin Ahmad.





LAWATAN TAPAK KERJA PEMBINAAN 'TUBE WELL' OLEH JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS

Penolong Pengarah Kanan unit Geosains dari Jabatan Mineral dan GeoSains, cawangan Selangor dan Wilayah Persekutuan, Puan Mazatul Akmar Aros telah sudi melawat tapak cadangan pembinaan 'Tube Well' di Masjid Ibn Abbas pada 2 Mac 2021 yang lalu. Beliau diiringi Penolong Pengarah

hunit Geosains, En Wan Neqhaikal dan Penolong Pegawai Sains, En. Samizun Said. Beliau yang tiba pada jam 12.50 tengahari, telah meluangkan masa selama hampir 2 jam untuk melihat dan menemuramah ahli jawatankuasa masjid bagi memastikan keperluan dan kesesuaian projek berkenaan

kepada Masjid Ibn Abbas. Kerja pembinaan dijangka akan dimulakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh lawatan yang turut meliputi proses dokumentasi kelulusan dan pembinaan. Ini tidak termasuk tempoh pengawasan hasil selama sebulan selepas pembinaan sebelum penyerahan rasmi kepada pihak masjid.

PEMILIHAN KONTRAKTOR SECARA SEBUTHARGA TERBUKA

Pemilihan kontraktor untuk kerja perluasan ruang solat masjid telah dibuat secara sebutharga terbuka. Sebutharga tersebut telah dibuka pada 22 Mac 2021 dan ditutup pada 25 Mac 2021. Sebanyak 7 buah syarikat telah menyertai sebutharga tersebut.

Jawatankuasa pemilihan terdiri daripada 9 ahli Jawatan kuasa masjid, seorang pemeriksa kirakira dan 2 orang penasihat teknikal dari syarikat NAS Architect@Nano Hermosa Resources dan syarikat SR Expert Practice Sdn Bhd. Syarikat DAG Ventures telah dilantik sebagai

kontraktor kerja pembinaan tersebut. Tempoh siap pembinaan dijangka memakan masa selama 3 minggu dari tarikh lantikan.



"Barang siapa yang membina masjid kerana Allah, Allah membina baginya rumah di surga kelak (binaan) seumpamanya." (Hadith riwayat Muslim)

KERJA PERLUASAN RUANG SOLAT MASJID



Kerja perluasan ruang solat masjid telah bermula semenjak 28 Mac 2021 yang lalu dengan kapasiti tambahan Jemaah sebanyak 200 orang jika tanpa penjarakkan. Syarikat DAG Ventures melalui wakilnya berkata,

kerja utama perluasan tersebut telah pun siap, hanya yang tinggal sedikit kerja kemasan sebelum diserahkan secara rasmi kepada pihak masjid Ibn Abbas. Kelewatan dari tarikh yang dirancang siap adalah

disebabkan faktor cuaca dan perubahan rekabentuk di saat-saat akhir bagi menyesuaikan dengan keperluan masjid serta kemudahan kepada jemaah.

MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENGHARGAAN

Majlis penyerahan surat penghargaan kepada syarikat NAS Architect@Nano Hermosa Resources, syarikat SR Expert Practice Sdn Bhd dan para penyumbang persendirian utama telah dilangsungkan selepas solat magrib pada 8 April 2021 bertempat di Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota. Majlis berkenaan diadakan bagi meraikan para penyumbang yang banyak berjasa dalam usaha menjayakan program dana wakaf IMARAH. Penghargaan diberi atas jasa bakti bukan hanya dalam bentuk kewangan sahaja malah dalam bentuk tenaga dan kepakaran. Tetamu jemputan yang hadir bersama bagi memeriahkan lagi majlis berkenaan adalah Yang Berbahagia Datuk Sri Hj Musa @ Ayob Bin Saad, Yang Berbahagia Datuk Sri Hj Mohd Nardin Bin Hj Awang, Sr Sheikh Ishak Sheikh Ismail dari Advantage QS Sdn Bhd, Sr Azhari Idris dari SR Expert Practice Sdn Bhd, Yang Berbahagia Datuk Zaharudin Samsudin dan En Syed Ali Qasim Syed Mohd Najib dari NAS ARCHITECT @ NANO HERMOSA Resources.




LENSA AKTIVITI SUKU PERTAMA 2021

Majlis penyerahan watikah, perasmian Bazaria dan Tabung Infaq ‘Drop-off’, pelancaran Buletin Masjid dan sumbangan untuk asnaf pada 26 Disember 2020. Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mohd Shafie Abdullah selaku Pengurus Majlis Permuafakatan Masjid dan Surau Wangsa Maju (MAPEMS)



Kerja perluasan ruang solat masjid telah bermula semenjak 28 Mac 2021 oleh syarikat DAG Ventures



SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro

Hj. Kamarudin Bin Ismail

Ahli Jawatankuasa Kerja

Ustaz Mohd Abu Bakar Bin Abdullah

En. Ahmad Khairi Bin Mahidin

Hj. Abdul Latif Bin Abd Rahim

Solat Tarawih NORMA BAHARU

PROSES SANITASI MASJID



PENYELENGGARAAN PENGHAWA DINGIN



SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro
Teh Rokiah binti Mohammad Sharif
Setiausaha
Samsiah binti Husain
Bendahari
Sarinah binti Mohd Shariff
Ahli Jawatankuasa Kerja
Armi binti Mohamed
Rosidah binti Shukor
Rosmahwati binti Din
Manja binti Diran
Rose Liza binti Ramly
Siti Zawiah binti Sahri
Noraihan binti Mokhtar

ANTARA AKTIVITI-AKTIVITI BIRO MUSLIMAT

KULIAH DHUHA MINGGUAN

KULIAH DHUHA PERDANA

PROGRAM KEMBARA MASJID KE MASJID

PROGRAM ZIARAH

PROGRAM LAWATAN

BANTUAN MANGSA BANJIR



Awal Januari 2021, banjir telah melanda di beberapa buah negeri. Alhamdulillah. Sebanyak 5 buah Madrasah yang tertera di bawah telah menerima sumbangan bantuan wang melalui cek iaitu :

1. PONDOK TAHFIZ HJ AHMAD, KG. DALA, LANCANG, PAHANG.
2. MA'AHAD TAHFIZ INTEGRASI AL MUKMIN, TEMERLOH, PAHANG.
3. KOMPLEK TAHFIZ AL QARADHAWI, KOMTAQ KERDAU, PAHANG.
4. MADRASAH AD DINNIAH AL ISLAMIAH, TEMERLOH, PAHANG.
5. MADRASAH RAUDHAH AL MUHIBBIN, PONDOK POK KOB, SEBERANG CHENOR.

BANTUAN ASNAF & KES TERJEJAS COVID 19



Alhamdulillah. Seramai 16 orang telah menerima sumbangan bantuan di Masjid Ibn Abbas pada pagi hari Isnin bersamaan 5 April 2021 dari Biro Muslimat Masjid Ibn Abbas.



SUMBANGAN DANA SEKOLAH PERTUTURAN KIU, OKU, JALAN KAMPUNG PANDAN

Alhamdulillah...dipagi Jumaat yang Barokah kami bertiga dari Biro Muslimat telah dapat berkunjung ke Pusat Pertuturan KIU, di Jalan Kampung Pandan, KL untuk memberi sumbangan kepada Anak-anak Istimewa (OKU) dan memberi sedikit bantuan kewangan untuk Sekolah Pertuturan KIU, juga memberi Cenderahati buat Cikgu Cikgu. Disini terdapat 28 orang anak murid Istimewa, 9 orang Guru Khas, seorang Kerani dan seorang Tukang Sapu.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN MUSLIMAT (RAMADHAN 1442H)


MIA TINGKAT USAHA KENALPASTI GOLONGAN ASNAF DAN YANG MEMERLUKAN BANTUAN

Pihak pentadbiran Masjid Ibn Abbas (MIA) menerusi Biro Kebajikannya telah meningkatkan lagi usaha untuk mengenal pasti golongan asnaf dan golongan yang memerlukan bantuan. Memandangkan berlaku peningkatan permintaan bantuan domestik, MIA telah memutuskan untuk menghadkan sasaran yang lebih tertumpu kepada anak kariah MIA yang menetap di kawasan Taman Ibukota, Taman Danau Kota dan kawasan Setapak Indah sesuai dengan bajet yang telah diperuntukkan.

Sejumlah 202 penama telah terkumpul setakat ini dari rekod terdahulu dan hanya tinggal 120 penama yang masih dalam proses penilaian. Timbalan Pengurus merangkap Ketua Biro Kebajikan, Dato' Hj. Hassan Bin Mohd Amin berkata, proses penilaian semula terpaksa dilakukan memandangkan terdapat koleksi permohonan bertindih antara data lama dan baru, status kelayakan dan pelbagai lagi isu-isu yang berkaitan perlu diselesaikan bagi memastikan saluran bantuan terus ke sasaran. Pada masa yang sama, pihak biro dapat mengemaskinikan lagi data butiran diri penerima bantuan dengan lebih sistematik.

Melalui maklumat yang terkumpul, penerima bantuan telah dibahagi kepada 4 kategori iaitu asnaf, ibu tunggal, OKU dan muallaf. Kawasan Setapak Indah telah dikenal pasti sebagai kawasan dalam kariah paling tinggi yang memerlukan bantuan iaitu sebanyak 41.09 peratus. Manakala kategori asnaf adalah golongan yang tertinggi direkodkan iaitu 80.69 peratus. Sejumlah hampir 40 ribu tidak termasuk sumbangan khas dari individu atau badan NGO, telah dibelanjakan untuk tujuan ini semenjak program ini dilancarkan pada Oktober tahun lalu.

Pihak Pentadbiran MIA amat berharap agar sokongan derma dan infaq untuk golongan yang memerlukan ini dapat dipertingkatkan lagi oleh para dermawan supaya program bantuan ini dapat diteruskan. Sokongan infaq anda amat bermakna kepada mereka yang memerlukan.



Kesimpulan dari maklumat terkumpul yang diperolehi sehingga 14 April 2021. Maklumat-maklumat ini masih di dalam proses penilaian oleh pihak pengurusan Masjid Ibn Abbas di bawah Biro Kebajikan.



Sabda Rasulullah SAW, "Orang yang paling disukai Allah ialah orang yang paling bermanfaat kepada orang lain. Amalan yang paling disukai Allah ialah kegembiraan yang engkau hadirkan buat seseorang Muslim, atau engkau angkat kesusahan yang menimpanya, atau engkau langsakan hutangnya atau engkau hilangkan kelaparannya. Dengan aku berjalan bersama saudaraku untuk suatu urusannya lebih aku suka daripada berikikaf di masjid selama sebulan." (Hadis riwayat at-Thabrani)

RANGKUMAN AKTIVITI BIRO KEBAJIKAN BAGI SUKU TAHUN PERTAMA 2021



Sumbangan untuk asnaf, ibu tunggal dan mualaf telah diadakan pada 26 Disember 2020. Seramai 54 orang penerima telah terpilih menerima bantuan. Program 'Back to School' juga turut diadakan pada hari yang sama di mana seramai 33 orang pelajar menerima bantuan dalam bentuk wang ringgit bagi meringankan bebanan pembelian barang keperluan sekolah.



Antara penerima sumbangan pada yang menerima sumbangan dalam bentuk barang keperluan dapur serta wang saku. Seramai 38 orang penerima hadir untuk serahan pada 27 Februari 2021.



Biro Kebajikan juga turut meluangkan masa menziarahi dan menyantuni golongan asnaf serta kurang upaya. Aktiviti ziarah ini dilakukan bagi menyelami dan menilai kesukaran hidup mereka yang tidak bernasib baik disamping mengeratkan lagi hubungan antara anak kariah dan masjid.



Perbincangan bersama AJK Surau An-Nur Fasa 7 pada 9 Mar 2021 selepas solat Isya yang telah dipengerusikan oleh Imam Ismail. Perbincangan tertumpu kepada kebajikan golongan asnaf di kawasan tersebut. Masjid Ibn Abbas telah diwakili oleh Timbalan Pengerusi Dato' Hj Hasan yang turut memegang portfolio Biro Kebajikan dan Hj Muhd Syahamirul.

Fakta

- Peruntukkan **RM 40 Ribu** untuk sumbangan Asnaf dan yang berkeperluan untuk setengah tahun yang pertama.
- Kawasan Setapak Indah mempunyai bilangan tertinggi iaitu **41.09%** berbanding dua kawasan lain.
- Golongan asnaf **80.69%** adalah golongan tertinggi.



'Program Khas Asnaf Masjid Ibn Abbas' kerjasama antara Masjid Ibn Abbas dan Surau An-Nur Fasa 7 telah diadakan pada 20 Mar 2021 bertempat di Surau An-Nur Fasa 7. Sumbangan yang diberi adalah dalam bentuk barang keperluan dapur serta wang saku. Seramai 40 orang penerima hadir pada hari serahan tersebut.



Penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf, anak yatim dan sumbangan khas telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Seri Hj Nardin Bin Hj Awang dan YBhg Datuk Sri Hj Musa @ Ayob Bin Saad selepas solat magrib 8 April 2021. Seramai 47 orang terpilih untuk menerima sumbangan.



MIA bekerjasama dengan Yayasan Pelindung & Kesedaran Pencegahan Jenayah Malaysia dan AJK Surau An-Nur Fasa 7 dalam menyampaikan 50 pek makanan serta keperluan dapur kepada 50 orang asnaf terpilih. Majlis berlangsung di Surau An Nur Fasa 7 pada 15 April 2021 selepas solat Asar.